

03/08/2004

Sure Heboh kurang heboh

By Hanisah Selamat

MEMANG tepat percaturan TV3 memilih Stadium Nasional Bukit Jalil Kuala Lumpur sebagai lokasi konsert Fiesta Sure Heboh XX sekali gus menjadi arena penutup bagi karnival Sure Heboh 2004 yang berakhir tengah malam kelmarin.

Bagai dijangka kira-kira 80,000 penonton hadir memeriahkan majlis yang turut mendapat perkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Baginda menyempurnakan majlis penutup dengan melepaskan 100 burung merpati sebagai simbolik penutupan acara berkenaan.

Biarpun konsert yang disiarkan secara langsung di seluruh negara itu hanya bermula pada jam 9 malam, sejak awal petang lagi pengunjung sudah mula membanjiri pekarangan stadium terbuka itu kerana tidak mahu terlepas peluang.

Terdahulu, selain konsert mega, sepanjang tiga hari karnival diadakan pelbagai acara sampingan termasuk beberapa siri mini konsert, pembukaan 60 gerai pameran, lintas langsung program TV3, peraduan serta pertandingan pencarian bakat.

Konsert Fiesta Sure Heboh XX yang menjadi kemuncak acara pula dilihat sebagai pemangkin terhadap sokongan dan kesetiaan penonton terhadap stesen televisyen swasta pertama negara yang kini sudah memasuki tahun ke-20.

Sebagai pembuka tirai, kumpulan Spider `memanaskan' pentas dengan lagu Relaku Pujuk disusuli Misha Omar yang tampil anggun mengenakan persalinan serba hitam. Sudah tentu kemunculan penyanyi genit ini menggamit sorakan ramai.

Ruffedge pula tidak mengecewakan harapan peminat apabila menyampaikan lagu `berhantu' mereka, Tipah Tertipu disusuli penampilan pasangan romantis, Nurul dan Ajai yang mendendangkan lagu cover version, Persamaan.

Buat julung kali, TV3 menerbangkan khas watak utama yang memantapkan drama muzikal Bombay Dreams dari London, Stephen-Rahman Hughes. Anak muda berbakat besar ini membawakan dua lagu bersama iringan empat penari latar.

Walaupun pilihan artis boleh dikatakan bukan calang-calang penyanyi, begitu juga dengan penataan cahaya serta rekaan set pentas yang gah, seakan ada sesuatu kekurangan, malah boleh dikatakan konsert mega Sure Heboh tahun lalu lebih menghiburkan.

Begitupun, pujian harus diberikan kepada stesen televisyen ini kerana mampu mengendalikan acara besar-besaran ini selepas tujuh bulan menjelajah ke seluruh negara dengan 10 destinasi. Sambil menemui penonton, mereka tidak melupakan insan kurang upaya.

Sambil mengunjungi tapak pesta dan berhibur, mereka yang mengunjungi karnival yang bermula sejak Jumaat lalu itu turut menghulurkan sumbangan ke Tabung Bersamamu TV3 sebanyak RM30,000 yang menjadikan jumlah keseluruhan RM230,000.

Meneruskan persembahan pada malam itu ialah model, penyanyi dan pelakon, Erra Fazira bersama Hanya Di Mata disusuli artis KRU Music Indonesia, Dewi Sandra. Seterusnya, Reshmonu pula mengambil alih pentas utama.

Sayangnya, kemunculan wajah popular ini belum mampu memuaskan perasaan penonton. Mungkin salah pilihan lagu atau kecacatan sistem bunyi wajar diambil kira terutama ketika persembahan Dewi Sandra yang cukup mengecewakan ramai.

Idea menggabungkan beberapa personaliti TV3 yang terawal termasuk Mahathir Lokman, Wan Zaleha Radzi, Azwan Ali dan Charmaine Augustine sebagai hos undangan pula memang bagus tetapi jangan biarkan masa berlalu

dengan celoteh panjang mereka.

Selain siaran langsung di seluruh negara, konsert yang membabitkan 11 artis popular tanah air dan dua penyanyi Indonesia termasuk Shanty itu turut dipancarkan secara langsung di republik Indonesia menerusi saluran Trans TV dan Anteve.

Antara persembahan yang mendapat sambutan ialah kemunculan Amy Search dengan lagu Isi dan Kulit. Nyata, malam itu sebahagian besar penonton adalah peminat rock yang kembali bersemangat mendengar lagu itu.

Begitu juga dengan kehadiran Ella yang ditemani Sasi The Don, sorakan terus bergema di segenap stadium. Biarpun tidak membawakan lagu sendiri sebaliknya memilih Where Is The Love daripada Black Eyed Peas, kemeriahan jelas ketara.

Penyanyi lain yang menguasai pentas sebelum tirai konsert berlabuh ialah Anuar Zain yang berduet dengan Shanty disusuli Raihan. Apa pun sepanjang konsert berlangsung tiada kejadian yang tidak diingini berlaku kerana kawalan ketat pihak berkuasa.

Cuma sungguh menyedihkan apabila masih ada sebilangan insan yang tidak pandai menghargai hiburan yang disediakan khusus untuk mereka apabila melontar botol minuman dan objek lain ke arah penonton lain. Namun kecekapan pihak keselamatan mampu mengawal keadaan.

Selain Sultan Selangor yang sudi hadir mencemar duli, majlis penutup Karnival Sure Heboh 2004 turut dihadiri Pengerusi Media Prima Bhd, Datuk Seri Syed Anuar Jamalullail, Pengarah Urusan/Ketua Eksekutif Kumpulan Media Prima Berhad, Abdul Rahman Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif TV3, Datuk Farid Ridzuan.

(END)